

# Lumut baharu dinamakan sempena Prof Dr Abdul Latiff Mohamad

**Cameron Highlands:** Spesies baharu lumut hati yang ditemui di Hutan Taman Negeri Cameron Highlands, Mossy Forest di sini secara rasmi dinamakan Mastigopelma latiffiana sebagai penghargaan tertinggi pada Prof Emeritus Datuk Dr Abdul Latiff Mohamad.

Spesies berkenaan ditemui pada Ekspedisi Sainifik Kepelbagaian Biologi Hutan Mossy Forest, Mac tahun lalu yang diketuai oleh beliau sendiri.

Penyelidik lumut, Prof Madya Lee Gaik Ee dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT) berkata, dia mengambil keputusan

menamakan spesies baharu lumut hati dengan nama Mastigopelma latiffiana sebagai penghargaan tertinggi pada dia (Abdul Latiff) yang berpengalaman luas dalam bidang penyelidikan di negara ini.

Menurutnya, beliau yang lebih terkenal dengan panggilan Pok Teh sudah tidak asing lagi di negara ini, individu yang banyak berjasa menghasilkan ramai golongan penyelidik dalam pelbagai bidang penyelidikan.

"Keputusan saya menamakan spesies baharu lumut hati yang ditemui di Cameron Highlands tahun lalu, dengan nama Masti-

gopelma latiffiana juga sebagai penghargaan anak murid pada seorang guru yang banyak berjasa.

"Tidak ada yang dapat saya balas jasa pada individu bernama Abdul Latiff, melainkan dengan cara mengabadikan namanya pada spesies baharu lumut hati," katanya ditemui pada Seminar Ekspedisi Sainifik Kepelbagaian Biologi Hutan Mossy Forest di sini.

Seminar anjuran Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) itu dirasmikan Setiausaha Kerajaan Pahang Datuk Seri Zulkifli Yaacob.

Sebanyak 28 kertas kerja dibentangkan oleh penyelidik dari lapan universiti



**PENYELIDIK lumut, Prof Madya Lee Gaik Ee menamakan lumut hati spesies baharu dengan nama Mastigopelma latiffiana.**  
- Gambar NSTP/MOHD RAFI MAMAT

dan beberapa agensi lain yang memberi fokus kepada kajian ekosistem hutan, ekologi, flora dan fau-

na, rekreasi, geologi, arkeologi serta sosio ekonomi.

Gaik Ee berkata, selepas bersara dia (Abdul Latiff)

kini bertugas sebagai penyarah sambilan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), dia juga merupakan Ketua Ekspedisi Sainifik Kepelbagaian Biologi Hutan Mossy Forest.

"Dengan mengabadikan nama spesies baharu lumut hati dengan nama Mastigopelma latiffiana, saya berharap jasa dan pengorbanan insan istimewa bernama Abdul Latiff yang menyokong saya melakukan kajian, tidak akan dilupakan sampai bila-bila.

"Saya berbangga menjadi individu pertama mengabadikan namanya (Abdul Latiff) pada spesies baharu lumut hati," katanya.